

30 APR 1997

Mahathir-Myanmar

TIDAK ADIL BAGI LAOS DAN KEMBOJA JIKA MYANMAR TIADA DALAM ASEAN

PETALING JAYA, 30 April (Bernama) -- Menafikan kemasukan Myanmar dalam Asean bermakna mengetepikan Kemboja dan Laos daripada perkumpulan serantau itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Jika tidak menerima masuk Myanmar, kita tidak boleh menerima Kemboja dan Laos. Ini sangat tidak adil bagi mereka," kata beliau pada persidangan berita selepas berakhirnya Kongres Kebangsaan mengenai Wawasan 2020 di sini. Kongres itu berlangsung dua hari mulai semalam.

Para pemimpin Asean, pada sidang kemuncak tidak rasmi di Jakarta akhir tahun lepas, telah bersetuju untuk menerima masuk ketiga-tiga negara itu.

Ketika ditanya sama ada ketiga-tiga negara itu akan diterima masuk pada Julai ini, beliau berkata: "Ya, kita rasa mereka patut kerana ia adalah suatu perkara yang paling baik yang boleh berlaku."

Beliau juga berkata Asean tidak akan tunduk kepada tekanan Amerika Syarikat yang menentang kemasukan Myanmar dalam perkumpulan serantau itu kerana "kita cukup merdeka untuk membuat keputusan kita sendiri".

Dr Mahathir berkata masyarakat peniaga Amerika juga tidak menyokong tindakan kerajaan mereka untuk mengenakan sekatan ke atas Yangon.

Sejak beberapa hari lepas, negara-negara lain Asean juga menyatakan bahawa Myanmar harus diterima masuk dalam perkumpulan itu walaupun Washington berusaha untuk memujuk mereka supaya tidak berbuat demikian.

"Kecuali sesuatu yang luar biasa berlaku, saya rasa Myanmar akan diterima masuk," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya apakah yang boleh menghalang kemasukan Myanmar, beliau secara berseloroh berkata: "Mungkin apabila kerajaannya membunuh lima juta orang di Myanmar, kita mungkin akan berubah fikiran."

Menteri-menteri luar Asean dijadualkan bertemu di Kuala Lumpur bulan depan untuk menyiapkan agenda bagi mesyuarat tahunan mereka pada Julai ini, yang antaranya ialah kemasukan anggota baru.

-- BERNAMA

TEAM NAK AHH